



**MAJLIS UGAMA ISLAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KEWAJIBAN MENGELUARKAN ZAKAT
DAN
PANDUAN PENGIRAAN ZAKAT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**KEWAJIBAN MENGELUARKAN ZAKAT DAN
PANDUAN PENGIRAAN ZAKAT**

**Cetakan Pertama Mei 2015
Cetakan Kedua Nobember 2015**

**Terbitan
Jabatan Majlis Ugama Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam.**

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف
الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, Syukur ke hadrah Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua Jabatan Majlis Ugama Islam telah berjaya menerbitkan buku bertajuk **Kewajiban Mengeluarkan Zakat Dan Panduan Pengiraan Zakat** ini. Buku ini diterbitkan sebagai panduan ringkas bagi tujuan memberi kefahaman kepada masyarakat Islam khususnya para *Muzakki* (pengeluar zakat) di negara ini mengenai bagaimana untuk mengeluarkan zakat berdasarkan tatacara pengiraan zakat yang disediakan dalam buku ini.

Secara amnya buku ini menjelaskan secara ringkas mengenai kewajipan zakat berdasarkan ayat-ayat suci Al-Quran dan petikan-petikan Hadis yang menekankan betapa mengeluarkan zakat itu adalah suatu kewajipan yang tidak boleh diabaikan oleh setiap orang Islam yang telah memenuhi syarat-syaratnya.

Kita berdoa dengan terbitnya buku ini, mudah-mudahan ianya dapat memberikan kefahaman dan manfaat yang berguna kepada umat Islam di Negara ini.

(HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI AKOP)

Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh 8hb. Syaaban 1436 bersamaan 26hb. Mei 2015.

KEWAJIBAN MENGELUARKAN ZAKAT DAN PANDUAN PENGIRAAN ZAKAT

Isi Kandungan

Kandungan	Muka Surat
1. Pengertian Zakat.....	5
2. Hukum Mengeluarkan Zakat.....	5
3. Tujuan Zakat.....	6
4. Kelebihan Mengeluarkan Zakat.....	7
5. Akibat Tidak Membayar Zakat.....	7
6. Bahagian Zakat.....	9
7. ZAKAT FITRAH.....	9
8. ZAKAT HARTA.....	11
9. ZAKAT EMAS, Perak Dan Wang Simpanan.....	12
10. Nisab Zakat Emas.....	13
11. Perhiasan Wanita Tidak Wajib Zakat.....	13
12. Perhiasan Wanita Yang Diwajibkan Zakat.....	13
13. Cara-Cara Mengira Zakat Emas.....	14
14. ZAKAT PERAK.....	15
15. Zakat WANG SIMPANAN.....	16
16. ZAKAT PERNIAGAAN	21
17. ZAKAT BINATANG TERNAKAN.....	25
18. ZAKAT TANAM-TANAMAN.....	28
19. ZAKAT HARTA GALIAN DAN RIKAZ.....	31
20. TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT DAN PERTANYAAN	34

KEWAJIBAN MENGELUARKAN ZAKAT DAN PANDUAN PENGIRAAN ZAKAT

PENGERTIAN ZAKAT

Dari Segi Bahasa

Bersih, Suci, Subur, Berkah , Bertambah dan Berkembang.

Dari Segi Istilah Syara'

Mengeluarkan sebahagian harta kepada yang berhak menerimanya menurut ketentuan dan ukuran yang ditentukan oleh Syara'.

HUKUM MENGELUARKAN ZAKAT

Hukum mengeluarkan zakat adalah **WAJIB** ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syaratnya. Orang yang tidak mengeluarkan zakat adalah **fasiq** dan **berdosa besar**. Orang yang ingkar akan ketetapan hukum wajib zakat itu pula dikira **kufur**.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 110:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

Tafsirnya: "Dan dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat."

Firman Allah Subhanahu Wat'ala dalam Surah At-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

Tafsirnya: “Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka.”

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
وإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَحَجِّ الْبَيْتِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Islam diasaskan atas lima (5) perkara: Kesaksian bahawa tiada tuhan selain daripada Allah dan Muhammad Persuruh Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan fardhu haji dan berpuasa di bulan Ramadhan.”

TUJUAN ZAKAT

- Membantu umat Islam yang miskin.
- Melahirkan rasa kasih sayang sesama Islam.
- Sumber kestabilan dan kemakmuran ummah.
- Tanda kesyukuran kepada nikmat Allah.
- Membersihkan hati dari sifat bakhil.
- Menyucikan harta yang mungkin syubhah.
- Menyuburkan harta.

KELEBIHAN MENGELUARKAN ZAKAT

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raf ayat 156:

وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ ۚ فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ
وَالَّذِينَ هُمْ بِآيَاتِنَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٦﴾

Tafsirnya: “Maka Aku akan tetapkan rahmatKu (di akhirat) untuk orang-orang yang bertaqwa dan yang membayar zakat serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami.”

AKIBAT TIDAK MEMBAYAR ZAKAT

Orang-orang yang tidak menunaikan kewajiban zakat adalah berdosa besar dan akan mendapat azab siksa yang pedih di hari kiamat nanti.

Firman Allah Ta’ala di dalam Surah At-Taubah ayat 34-35:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ
فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾ يَوْمَ تُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا
جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ ۚ هَذَا مَا كَنْزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ
فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾

Tafsirnya : “Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak (yang tidak dikeluarkan zakat-nya) dan tidak

membelanjakannya pada jalan Allah maka gembirkanlah mereka dengan azab yang pedih.

(Iaitu pada hari dibakar emas dan perak serta harta benda itu dalam neraka Jahannam lalu diseterika (dibakar) dengannya dahi mereka dan rusuk mereka serta belakang mereka (sambal dikatakan kepada mereka): “Inilah apa yang kamu telah simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasailah (balasan azab daripada) apa yang kamu simpan (dengan tidak membayar zakatnya) itu.”

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis diriwayatkan oleh Abu Hurairah semasa peristiwa Isra’ dan Mi’raj:

ففي حديث الإسراء عن أبي هريرة -رضي الله عنه- في الحديث الطويل - ثم أتى على قوم على أقبالهم رقا، وعلى أدبارهم رقا، يسرحون كما الإبل والنعم، ويأكلون الضريع والزقوم ورضف جهنم وحجارتها ، قال : ما هؤلاء يا جبريل ؟ ، قال : هؤلاء الذين لا يؤدون صدقات أموالهم ، وما ظلمهم الله شيئا وما الله بظلام للعبيد

Maksudnya: “Rasulullah telah menemui suatu kaum yang berpakaian koyak rabak, koyak di hadapan dan koyak di belakang, mereka berkelakuan seperti binatang ternakan, memakan pohon-pohon yang berduri, daun-daun yang pahit rasanya dan batu-batu neraka jahannam.

Rasulullah bertanya kepad Jibril: Siapa gerangan mereka itu?

Jibril menjawab: Mereka itulah orang-orang yang tidak membayar zakat harta mereka dan Allah Subhanahu Wata'ala tidak sekali-kali menzalimi mereka (hambaNya).”

BAHAGIAN ZAKAT

Dalam Islam Zakat itu terbahagi kepada 2 bahagian:

1. Zakat Fitrah
2. Zakat Harta

ZAKAT FITRAH

Pengertian Zakat Fitrah

1. Zakat Fitrah – dinamakan juga zakat ‘badaniah’ atau zakat badan dan dinamakan zakat fitrah kerana ianya diwajibkan di hari fitrah (1hb. Syawal).
2. Zakat Fitrah ialah makanan yang wajib dikeluarkan pada Hari Raya Puasa oleh setiap orang Islam yang mempunyai lebihan makanan bagi dirinya dan orang-orang dibawah tanggungannya untuk siang dan malam Hari Raya.

Kadar Zakat Fitrah

1. Kadar zakat fitrah di Brunei bagi setiap orang Islam adalah berdasarkan harga beras 2 kilogram 268 gram:
 - Beras Siam - \$1.93
 - Beras Wangi - \$2.84

2. Adalah harus yakni sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan salah satu kategori beras (Beras Wangi atau Beras Siam).
3. Dalam pada itu sesiapa yang pada kelazimannya memakan Beras Siam dan juga memakan Beras Wangi, maka adalah afdhal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya dengan Beras Wangi.
4. Zakat Fitrah wajib dikeluarkan mulai masuk matahari akhir bulan Ramadhan (malam Hari Raya Aidil Fitri) hingga imam mendirikan sembahyang Sunat Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus Zakat Fitrah dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadhan.

Syarat Wajib Zakat Fitrah

1. Islam
2. Mempunyai harta lebih dari keperluan untuk dirinya dan tanggungan pada hari raya dan malamnya.
3. Hidup pada akhir bulan Ramadhan dan pada permulaan bulan Syawal.

Waktu Membayar Zakat Fitrah.

1. **Waktu Harus:** Sejak dari awal bulan Ramadhan.
2. **Waktu Sunat:** Selepas sembahyang Subuh sehingga imam mendirikan sembahyang Hari Raya.
3. **Waktu Wajib:** Setelah terbenam matahari akhir bulan Ramadhan.

4. **Waktu Makruh:** Selepas sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari Hari Raya.
5. **Waktu Haram:** Setelah terbenam matahari Hari Raya pertama. Bahkan perbuatan ini adalah suatu dosa namun wajib dibayar juga sebagai qadha kerana dikeluarkan di luar waktu.

ZAKAT HARTA

Zakat harta ialah zakat yang diwajibkan keatas orang-orang Islam yang memiliki harta yang tertentu mengikut syarat-syarat yang tertentu.

Syarat-Syarat Wajib Zakat

1. **Beragama Islam**
(Zakat hanya diwajibkan kepada orang-orang Islam sahaja)
2. **Hak Milik Yang Sempurna.**
(Harta yang hendak dizakat hendaklah dimiliki secara tetap dan dikuasai oleh pemiliknya untuk membelanjakannya)
3. **Cukup Nisab**
(Telah mencapai jumlah minima yang wajib zakat)
4. **Cukup Haul**
(Cukup tempoh satu tahun mengikut tahun Hijriah iaitu 354 hari atau 365 hari bagi tahun Masehi). Jika mengikut

tempoh tahun hijriah kadar zakatnya ialah 2.5%, dan jika mengikut tahun Masehi kadar zakatnya ialah 2.577%)

Jenis-Jenis Harta Yang Wajib Zakat

1. Binatang-binatang ternakan iaitu unta, lembu, kerbau dan kambing.
2. Emas dan Perak serta Wang Simpanan.
3. Semua jenis perniagaan
4. Tanam-tanaman yang menjadi makanan asasi dan mengenyangkan dari jenis biji-bijian dan buah-buahan seperti padi, gandum, kurma dan sebagainya.
5. Harta rikaz – harta yang dijumpai kepunyaan orang Zaman Jahiliah (sebelum Islam)

ZAKAT EMAS, PERAK DAN WANG SIMPANAN

Syarat-Syarat Wajib Zakat Emas, Perak Dan Wang Simpanan

1. Islam
2. Merdeka
3. Hak Milik Yang Sempurna
4. Cukup Nisab
5. Cukup Haul (1 Tahun)

Nisab Zakat Emas

1. Kadar nisab zakat emas ialah 20 misqal bersamaan 85 gram atau \$6,647.00 (mengikut harga emas 21 karat semasa iaitu \$78.20 satu (1) gram bermula 24 Syaaban 1442 bersamaan 7 April 2021), maka $\$78.20 \times 85 \text{ gram} = \$6,647.00$
2. Kadar zakatnya 2.5% atau 1/40

Perhiasan Wanita Tidak Wajib Zakat

1. Barangan emas yang dipakai oleh wanita (bukan untuk simpanan) dan pada kadar yang tidak berlebihan yang dianggap membazir dan boros, tidaklah wajib atasnya zakat.
2. Barang-barang kemas yang bukan diperbuat daripada emas dan perak seperti intan, berlian, batu permata, mutiara, kristal, tembaga dan sebagainya, tidak dikenakan zakat.

Perhiasan Wanita Yang Diwajibkan Zakat

1. Perhiasan emas yang berlebihan – **wajib zakat sama ada disimpan atau dipakai**

Maksud berlebihan itu ialah memiliki barang kemas diperbuat daripada emas dan setiap jenis daripadanya mencapai timbangan 850 gram. Contoh seorang wanita memiliki gelang seberat 200 misqal (850 gram) atau lebih, maka wajib dikeluarkan zakatnya.

2. Barang emas yang rusak dan tidak boleh dipakai serta terpaksa dilabor untuk dibaiki, jika cukup nisabnya 85 gram, wajib zakat, dan haulnya bermula ketika barang itu rusak.
3. Barang kemas yang rusak dan boleh dibaiki dengan tidak dilabor, memadai di patri, jika untuk disimpan setelah dibaiki, wajib zakatnya jika cukup nisabnya 85 gram.
4. Barang kemas yang rusak dan boleh dibaiki dengan tidak dilabor, memadai dipatri, jika untuk dipakai semula, tidak wajib zakat.

Sumber: Irsyad Hukum 2009.

Cara-Cara Mengira Zakat Emas

Contoh 1:

- Jika seorang wanita memiliki perhiasan yang berlebihan sehingga 850 gram atau lebih bagi satu jenis perhiasan, zakatnya adalah seperti berikut:
 $850 \text{ gram} \times 2.5\% = \underline{\mathbf{21.25 \text{ gram}}}$
- Zakat yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak 21.25 gram emas dan jika dinilai dengan wang mengikut harga emas sekarang adalah seperti berikut:
 $21.25 \text{ gram} \times \$78.20 \text{ (harga 1 gram bermula 24 Syaaban 1442 bersamaan 7 April 2021)} = \underline{\mathbf{\$1,661.75}}$

Contoh 2:

- Jika seorang memiliki perhiasan emas untuk disimpan / sebagai koleksi / rusak sebanyak 100 gram, wajib dikeluarkan zakatnya kerana telah cukup nisab (melebihi 85 gram), zakatnya adalah seperti berikut:
 $100 \text{ gram} \times 2.5\% = \underline{\mathbf{2.5 \text{ gram}}}$

- Zakat yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak 2.5 gram emas dan jika dinilai dengan wang mengikut harga emas sekarang adalah seperti berikut:
 $2.5 \text{ gram} \times \$78.20 \text{ (harga 1 gram)} = \underline{\$195.50}$

ZAKAT PERAK

Hukum mengeluarkan zakat perak adalah wajib, sama seperti emas.

1. Kadar nisab perak ialah 200 dirham bersamaan dengan 595 gram
2. Kadar zakat 2.5% atau $1/40$

Cara-Cara Mengira Zakat Perak

Contoh 1:

Jika seorang wanita memiliki perhiasan perak yang berlebihan sehingga 1000 gram, zakatnya adalah seperti berikut:

$$1,000 \text{ gram} \times 2.5\% = \underline{25 \text{ gram}}$$

Zakat yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak 25 gram perak

Contoh 2:

Jika seseorang memiliki perhiasan perak untuk perhiasan / koleksi sebanyak 600 gram, wajib dikeluarkan zakatnya adalah seperti berikut:

$$600 \text{ gram} \times 2.5\% = \underline{15 \text{ gram}}$$

Contoh 3:

Jika seseorang memiliki perhiasan perak untuk perhiasan / koleksi sebanyak 400 gram, tidak wajib dikeluarkan zakat kerana tidak cukup nisab.

ZAKAT WANG SIMPANAN

1. Wang ringgit adalah mengikut nilai emas.
2. Kadar nisab wang simpanan adalah mengikut nisab emas iaitu 85 gram atau \$6,647.00 (mengikut harga emas 21 karat semasa iaitu \$78.20 satu (1) gram bermula 24 Syaaban 1442 bersamaan 7 April 2021) = **\$6,647.00**.
3. Kadar zakatnya ialah 2.5% atau 1/40.

Cara pengiraan:

1. Hendaklah dikenalpasti jumlah paling rendah selama setahun dan jumlah itu berada di atas paras nisab (\$6,647.00 ke atas)
2. Zakat yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak 2.5% atau 1/40.

Contoh 1: Cara Mengira Zakat Wang Simpanan

Tarikh	Masuk	Keluar	Baki
20 Syaaban 1441	10,000	-	\$10,000
01 Ramadhan 1441	-	\$3,000	\$7,000* (cukup nisab) (baki terendah)
10 Syawal 1441	\$1,000	-	\$8,000
04 Zulkaedah 1441	\$1,000	-	\$9,000

06 Muharram 1442	\$600	-	\$9,600
16 Safar 1442	-	\$1,000	\$8,600
08 Jamadilakhir 1442	-	\$200	\$8,400
06 Syaaban 1442	-	\$1,000	\$7,400
30 Syaaban 1442	\$100	-	\$7,500

- Baki yang cukup nisab ialah sebanyak \$7,000 bermula pada 1 Ramadhan 1441H. Bermula dari tarikh ini ia genap setahun Hijrah (cukup haul) pada 30 Syaaban 1442.
- Baki terendah dalam tempoh haul itu (1 Ramadhan 1441 hingga 30 Syaaban 1442) yang cukup nisab ialah \$7,000.00.
- Maka zakat yang wajib dikeluarkan bagi wang simpanan di atas adalah $\$7,000.00 \times 2.5\% = \underline{\$175.00}$

Contoh 2: Cara Mengira Zakat Wang Simpanan

Tarikh	Masuk	Keluar	Baki
26 Januari 2020	\$2,630	-	\$2,630
10 Februari 2020	-	\$500	\$2,130
24 Februari 2020	\$2,630	-	\$4,760
11 Mac 2020	-	\$600	\$4,160
24 Mac 2020	\$2,630	-	\$6,790 (cukup nisab)

7 April 2020	-	\$100	\$6,690 (baki terendah)
26 April 2020	\$2,630	-	\$9,320
14 Mei 2020	-	\$1,200	\$8,120
25 Mei 2020	\$2,630	-	\$10,750
20 Jun 2020	-	\$4,000	\$6,750
27 Jun 2020	\$2,630	-	\$9,380
15 Julai 2020	-	\$1,200	\$8,180
25 Julai 2020	\$2,630	-	\$10,810
6 Ogos 2020	-	\$1,200	\$9,610
26 Ogos 2020	\$2,630	-	\$12,240
11 September 2020	-	\$5,000	\$7,240
27 September 2020	\$2,630	-	\$9,870
14 Oktober 2020	-	\$2,600	\$7,270
27 Oktober 2020	\$2,630	-	\$9,900
18 November 2020	-	\$1,200	\$8,700
26 November 2020	\$2,630	-	\$11,330
21 Disember 2020	-	\$2,800	\$8,530
26 Disember 2020	\$2,630	-	\$11,160
20 Januari 2021	-	\$3,000	\$8,160
25 Januari 2021	\$2,630	-	\$10,790

22 Februari 2021	-	\$3,500	\$7,290
24 Februari 2021	\$2,630	-	\$9,920
21 Mac 2021	-	\$2,500	\$7,420
23 Mac 2021	\$2,630	-	\$10,050
1 April 2021	-	\$2,500	\$7,550

- Baki terendah yang cukup nisab ialah sebanyak \$6,690.00 bermula pada 24 Mac 2020. Bermula dari tarikh ini ia genap setahun Masehi (cukup haul) pada 23 Mac 2021.
- Baki terendah dalam tempoh haul itu (24 Mac 2020 hingga 23 Mac 2021) yang cukup nisab ialah **\$6,690.00**.
- Maka zakat wajib dikeluarkan bagi wang simpanan di atas adalah $\$6,690 \times 2.577\% = \textbf{\$172.40 sen}$.

Contoh 3: Cara Mengira Zakat Wang Simpanan

Tarikh	Masuk	Keluar	Baki
15 Januari 2020	\$5,000	-	\$6,800 (cukup nisab)
20 Mac 2020	\$1,000	-	\$7,800
24 Mei 2020	\$1,000	-	\$8,800
3 Jun 2020	-	\$1,800	\$7,000
16 Ogos 2020	\$1,000	-	\$8,000
8 Oktober 2020	-	\$2,000	\$6,000

6 Disember 2020	-	\$2,500	\$3,500* (baki terendah)
14 Januari 2021	\$1,000	-	\$4,500

- Baki yang cukup nisab ialah sebanyak \$6,800 bermula pada 15 Januari 2020. Bermula dari tarikh ini ia genap setahun Masehi (cukup haul) pada 14 Januari 2021.
- Baki terendah dalam tempoh haul (15 Januari 2020 hingga 14 Januari 2021) ialah \$3,500.00.
- Oleh kerana baki terendah itu tidak cukup nisab (\$6,647), maka **tidaklah wajib zakat** ke atasnya kerana terputus haulnya pada tahun itu.

Permasalahan 1: Bagaimana jika sekiranya seseorang itu mempunyai banyak akaun wang simpanan ?

Penyelesaian:

- Hendaklah ia membuat catitan sendiri mengenai akuan tersebut.
- Mencampurkan keseluruhan jumlah wang simpanan yang ada setiap bulan atau pada tempoh yang difikirkan ia boleh merujuk dari segi kiraan zakat.
- Ditentukan haul dan nisab zakat serta jumlah terendah wang tersebut dalam tempoh haul yang telah ditentukan.

Contoh Cara Mengira Zakat Wang Simpanan (Simpanan Di Dua Buah Bank)

Tarikh	Baki Bank A	Baki Bank B	Baki Semua
1 Jan 2020	\$4,000	\$3,500	\$7,500 (cukup nisab)
1 Feb 2020	\$4,500	\$3,500	\$8,000
4 Mac 2020	\$4,000	\$4000	\$8,000
6 Jun 2020	\$3,500	\$3,500	\$7,000* (baki terendah)
16 Julai 2020	\$4,000	\$5,000	\$9,000
8 Okt 2020	\$4,500	\$5,500	\$10,000
6 Dis 2020	\$5,000	\$4,500	\$9,500
31 Dis 2020	\$5,500	\$3,000	\$8,500

- Baki yang cukup nisab ialah sebanyak \$7,500.00 bermula pada 1 Januari 2020. Bermula dari tarikh ini ia genap setahun Masehi (cukup haul) pada 31 Disember 2020.
- Baki terendah dalam tempoh haul itu (1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020) yang cukup nisab ialah \$7,000.00.
- Maka zakat wajib dikeluarkan bagi wang simpanan di atas adalah $\$7,000.00 \times 2.577\% = \text{\textbf{\$180.39 sen.}}$

Permasalahan 2:

Apakah boleh seseorang yang mempunyai simpanan wang di bank, membayar zakatnya dengan wang dalam simpanan yang lain?

Harus ia membayar zakat dari wang yang disimpannya dalam akaun yang lain dan harus juga ia membayar melalui wang lain dari kepunyaannya.

ZAKAT PERNIAGAAN

1. Mana-mana usaha yang berbentuk dagang atau niaga, samada ia secara kecil-kecilan atau besar-besaran, dan samada dalam bentuk syarikat atau individu, adalah ia dinamakan perniagaan yang wajib dizakat bermula dari ia dinamakan perniagaan.
2. Jenis-jenis perniagaan itu termasuklah perniagaan barang-barang runcit, barangan, import, eksport, perkhidmatan, kedai makan, perhotelan, pembuatan, pembinaan dan lain-lain.
3. Nisab Zakat Perniagaan ialah \$6,647.00 (mengikut kadar zakat wang simpanan berdasarkan harga emas semasa 85 gram)
4. Kadar zakatnya ialah 2.5% mengikut tahun Hijriah atau 2.577% mengikut tahun Masehi.

Syarat-Syarat Wajib Zakat Perniagaan

1. Islam
2. Merdeka
3. Cukup nisab
4. Cukup haul (1 tahun)
5. Niat berniaga

Cara Menilai Harta Perniagaan 1:

Setelah genap satu (1) tahun perniagaan, hendaklah dibuat penilaian seperti berikut:

- Hendaklah dinilai semua barang perniagaan yang masih ada termasuk stok.
- Barang-barang yang bukan diperniagakan tidak termasuk dalam penilaian seperti bangunan, kenderaan, kursi, meja dan sebagainya.
- Wang tunai di tangan dan di bank.
- Hutang di tangan orang lain yang diharap akan diperolehi balik.
- Jumlah 1-4 di atas di tolak dengan perbelanjaan seperti hutang piutang, sewa, gaji dan sebagainya.
- Baki yang ada hendaklah dikeluarkan zakatnya jika cukup nisabnya \$6,647.00 ke atas (nisab zakat bermula 24 Syaaban 1442 bersamaan 7 April 2021).

- Kadar zakatnya ialah sebanyak 2.5% atau 1/40 (mengikut tahun Hijriah) atau 2.577% (mengikut tahun Masehi).

Contoh Menilai Harta Perniagaan

Harta semasa :	
Stok	<u>\$10,000.00</u>
Wang di bank dan di tangan	<u>\$45,000.00</u>
Hutang pelanggan	<u>\$15,000.00</u>
JUMLAH =	<u>\$70,000.00</u>
Tanggung semasa - (tolak)	<u>\$25,000.00</u>
=	<u>\$45,000.00</u>
ZAKAT : \$45,000.00 X 2.5% = \$1,125.00	

Cara Menilai Harta Perniagaan 2:

- Zakat perniagaan = (Aset semasa/current assets – Liabiliti semasa/current liabilities +/- Pelarasan/adjustments) X 2.5%
- Jika perniagaan itu adalah perkongsian diantara orang Islam dengan bukan Islam, cara menilainya adalah seperti berikut:
- Zakat perniagaan = (Aset semasa/current assets – Liabiliti semasa/current liabilities +/- Pelarasan/adjustments) X 2.5 % X % Pemilikan Orang Islam.

Contoh Taksiran Zakat Perniagaan Kecil

1.	Asset Semasa / <i>Current Assets</i>	\$
	• Wang tunai ditangan / <i>Cash in hand</i>	3,000
	• Wang tunai di bank / <i>Bank balance</i>	5,800
	• Stok akhir / <i>Closing stocks</i>	4,500
	• Hutang pelanggan / <i>Trade debtors</i>	1,500
	Jumlah aset semasa (A) / <i>Total Current Assets (A)</i>	14,800
2.	Tolak liabiliti semasa / <i>Less Current Liabilities</i>	\$
	• Hutang dagangan kepada pembekal / <i>Trade creditors</i>	500
	• Lain-lain hutang (kos operasi sahaja) / <i>Accrued operating expenses</i>	2,000
	Jumlah Liabiliti Semasa (B) / <i>Total Current Liabilities (B)</i>	2,500
	Aset Semasa Bersih (A-B) / <i>Net Current Assets (A – B)</i>	12,300
3.	+/- Pelarasan / <i>Adjustments</i>	
	Campur Aset Semasa / <i>Add Current Assets</i>	\$
	• Derma pada suku akhir / <i>Donation in last quarter</i>	500
	• Pengambilan wang kegunaan sendiri / <i>Personal drawings</i>	30,000
	Tolak Aset Semasa / <i>Less Current Assets</i>	\$
	• Stok lapuk / using / <i>Obsolete stocks</i>	1,000
	• Lain-lain / <i>Others</i>	
	Nilai Aset yang dikenakan zakat / <i>Total Net assets due for zakat</i>	41,800
4.	Kadar Zakat / <i>Zakat Rate</i>	2.5%
	X % Pemilikan Muslim / <i>Muslim Ownership Share</i>	100%
	JUMLAH ZAKAT / ZAKAT DUE	1,045

ZAKAT BINATANG TERNAKAN

Binatang ternakan yang wajib zakat adalah seperti berikut:

1. Unta – Nisabnya 5 Ekor
2. Lembu / Kerbau –Nisabnya 30 Ekor
3. Kambing - Nisabnya 40 Ekor

Syarat-Syarat Wajib Zakat Binatang Ternakan

1. Islam
2. Merdeka
3. Hak Milik Yang Sempurna.
4. Telah Sampai Nisab
5. Cukup Haul
6. Hendaklah binatang itu digembalakan di padang yang tertentu.
7. Hendaklah binatang itu tidak digunakan untuk membuat sesuatu kerja.

Zakat Binatang Ternakan – Unta

Nisab	Jenis Zakatnya	Umurnya
5 – 9	1 Ekor Kambing	Berumur 1 Tahun Lebih
10 - 14	2 Ekor Kambing	Berumur 1 Tahun Lebih
15 - 19	3 Ekor Kambing	Berumur 1 Tahun Lebih
20 - 24	4 Ekor Kambing	Berumur 1 Tahun Lebih
25 - 35	1 Ekor Unta betina	Berumur 1 Tahun (Bintu Makhadh)

36 - 45	1 Ekor Unta betina	Berumur 2 Tahun (Bintu Labun)
46 - 60	1 Ekor Unta betina	Berumur 3 Tahun (Hiqqah)
61 - 75	1 Ekor Unta betina	Berumur 4 Tahun (Jadza'ah)
76 - 90	2 Ekor Unta betina	Berumur 2 Tahun (Bintu Labun)
91 - 120	2 Ekor Unta betina	Berumur 3 Tahun (Hiqqah)
121 - 129	3 Ekor Unta betina	Berumur 2 Tahun (Bintu Labun)

Jika lebih daripada jumlah ini, setiap 40 ekor wajib 1 bintu labun dan setiap 50 ekor wajib 1 hiqqah.

ZAKAT BINATANG TERNAKAN – KERBAU / LEMBU

Nisab	zakatnya	Umurnya
30 - 39	1 ekor	1 tahun lebih (jantan)
40 - 59	1 ekor	2 tahun lebih (betina)
60 - 69	2 ekor	1 tahun lebih (jantan)
70 - 79	2 ekor	1 ekor 1 tahun (jantan), 1 ekor 2 tahun (betina)
80 - 89	2 ekor	Keduanya 2 tahun lebih (betina)

90 - 99	3 ekor	Ketiga-tiganya 1 tahun lebih (jantan)
100 - 109	3 ekor	2 ekor 1 tahun (jantan), 1 ekor 2 tahun (betina)
110 - 119	3 ekor	2 ekor 2 tahun (betina), 1 ekor 1 tahun (jantan)
120	3 ekor	Ketiga-tiganya 2 tahun (betina)
	Atau 4 ekor	Keempat-empatnya 1 tahun (jantan)

Jika lebih daripada jumlah ini, setiap 30 ekor wajib 1 ekor jantan berumur 1 tahun lebih dan setiap 40 ekor wajib 1 ekor betina berumur 2 tahun lebih.

ZAKAT BINATANG TERNAKAN – KAMBING

Nisab	Jenis Zakatnya	Umurnya
40 - 120	1 Ekor Kambing	1 Tahun Lebih
121 - 200	2 Ekor Kambing	1 Tahun Lebih
201 - 399	3 Ekor Kambing	1 Tahun Lebih
400	4 Ekor Kambing	1 Tahun Lebih

Jika lebih daripada jumlah ini, setiap 100 ekor wajib 1 ekor kambing berumur 1 tahun.

ZAKAT TANAM-TANAMAN

1. **Syarat wajib** mengeluarkan zakat tanam-tanaman ialah Islam, Merdeka , milik sempurna dan cukup nisab.
2. **Waktu wajib** mengeluarkan zakat tanam-tanaman itu ialah pada musim menuai atau mengeluarkan hasil.
3. **Tanam-tanaman yang wajib zakat** ialah biji-bijian dan buah-buahan yang tahan disimpan lama dan mengenyangkan seperti Padi, Jagong, Buah Kurma Dan Buah Anggor.
4. **Kadar nisabnya:**
 - 200 gantang atau 680.4 kilogram jika telah bersih dan
 - 400 gantang atau 1360.8 kilogram jika masih berkulit
5. **Kadar zakat** $\frac{1}{10}$ atau $\frac{1}{20}$ atau $\frac{3}{40}$
6. **Dikeluarkan zakatnya** pada musim menuai atau memetik hasilnya.

Sumber: Irsyad Hukum 2009.

Kadar Zakat Yang Wajib Dikeluarkan Bagi Tanam-Tanaman

1. $\frac{1}{10}$ (10%)

Tanam-tanaman yang disirami air tanpa diusahakan oleh petani sendiri seperti ia disirami oleh air hujan yang turun, aliran air sungai, aliran air bukit atau mata air.

Misalnya hasilnya 1,000 kilogram bersih X $\frac{1}{10}$ (10%) = **100 kilogram.**

2. 1/20 (5%)

Tanam-tanaman yang disirami air melalui usaha yang dibuat oleh petani itu sendiri seperti mengambil air dari perigi untuk menyirami tanam-tanamannya atau menyirami melalui air paip / menggunakan pump air dan sebagainya.

Misalnya hasilnya 1,000 kilogram bersih X 1/20 (5%) =
50 kilogram.

3. 3/40 (7.5%)

Tanaman-tanaman yang disirami melalui dua cara iaitu disamping diusahakan sendiri adakalanya juga bergantung kepada pengairan semula jadi seperti hujan dan sebagainya.

Misalnya hasilnya 1,000 kilogram bersih x 3/40 (7.5%) =
75 kilogram.

Sumber: Irsyad Hukum 2009

Masalah Zakat Tanam-Tanaman

Bolehkah Pelbagai Jenis Beras Dicampur Bagi Mencukupkan Nisab?

- Boleh. Jika tanaman beras itu bermacam-macam jenis seperti beras wangi, beras pulut, dll, maka jika sukatan hasil daripada tanaman satu jenis beras itu tidak mencapai nisab kecuali setelah dicampur sukatannya dengan hasil daripada jenis beras yang lain, maka dicampur sukatan beras-beras yang berlainan jenis itu kemudian dikeluarkan

zakat daripada setiap jenis beras tersebut dengan mengikut kadar banyaknya, itupun jika ia mudah dilakukan.

Misalnya 200 kilo Beras Wangi, 200 kilo Beras Pulut, 200 kilo Beras Siam, 200 kilo Beras Bario, 200 kg Beras Laila = 1000 kilo. Zakatnya misalnya $\frac{1}{10}$ iaitu 100 kilo, maka yang afdalnya diambil setiap jenis beras itu sebanyak 20 kg. Jika sukar, maka keluarkan saja beras yang sedarhana mutunya (tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah mutunya)

- Jika tanaman itu berlainanan jenis seperti beras dan gandum, maka tidak boleh dicampur keduanya.

Sumber: Irsyad Hukum 2009.

Bolehkah Hasil Tanaman Beras Tahun Pertama Dicampur Dengan Hasil Beras Tahun Kedua?

Tidak harus dicampur sukatan hasil beras yang dituai pada tahun pertama dengan hasil beras tahun kedua bagi mencukupkan nisab.

Akan tetapi harus dicampur sukatan beras yang dituai dalam tahun yang sama walaupun berbeza waktu penanamannya. Apa yang dimaksudkan dengan tuaian dalam tahun yang sama itu, hendaklah jarak masa antara tuaian tanaman pertama dengantuaian tanaman kedua tidak melebihi daripada 12 bulan Islam.

Sumber: Irsyad Hukum 2009

ZAKAT HARTA GALIAN DAN RIKAZ

Harta Galian

Harta Galian itu ialah **emas dan perak** yang dikeluarkan dari bumi, samada bumi itu hak milik sendiri atau tanah yang belum dimiliki oleh orang.

Harta Rikaz

1. Harta Rikaz ialah **emas dan perak** yang dijumpai terpendam di dalam tanah yang dimiliki oleh orang-orang zaman Jahiliah iaitu zaman sebelum datangnya ugama Islam seperti harta itu terpendam di dalam tembok-tembok kota, di kubur-kubur, dalam rumah dan lain-lain.
2. Harta Rikaz itu harus dimiliki oleh orang yang menjumpainya atau dijumpai di tanahnya sendiri dengan syarat ada tanda-tanda bahawa harta itu kepunyaan orang zaman Jahiliah.
3. Jika terdapat pada harta itu kesan-kesan atau tanda-tanda bahawa ia adalah kepunyaan orang Islam seperti ada tersurat diatasnya sesuatu daripada ayat Al-Quran atau ada nama daripada nama-nama raja-raja Islam dan sebagainya, maka harta itu dinamakan “Harta Luqatah” iaitu harta yang tercicir.
4. Harta Luqatah itu hendaklah dikembalikan kepada tuannya yang asal atau kepada ahli-ahli warisnya yang berhak dengan cara memaklukkannya melalui media masa televisyen, radio, surat khabar atau melalui media baru dan sebagainya.

Syarat-Syarat Mengeluarkan Zakat Harta Galian dan Rikaz

1. Beragama Islam - Hendaklah orang yang menjumpainya itu beragama Islam.
2. Hak Milik Sempurna - Hendaklah orang yang menjumpainya itu sempurna hak miliknya.
3. Cukup Nisab - Hendaklah Harta Galian dan Rikaz itu cukup / sampai nisabnya sepertimana nisab zakat emas dan perak (jika emas tidak kurang daripada 85 gram dan jika perak tidak kurang daripada 595 gram).

Kadar Zakat Harta Galian

1. Kadar Zakat Harta Galian itu ialah 2.5% atau $\frac{1}{40}$ jika diperolehi dengan cara dan usaha yang susah dan sukar.

Contoh jika harta galian emas sebanyak 200 gram:
 $200 \text{ gram} \times 2.5\% = 5 \text{ gram emas (zakat)}$

2. Jika harta galian itu diperolehi dengan cara yang mudah, maka kadar zakatnya ialah $\frac{1}{5}$ atau 20% sahaja.

Contoh jika harta galian perak sebanyak 800 gram:
 $800 \text{ gram} \times 20\% = 160 \text{ gram perak (zakat)}$

3. Jika berat harta galian itu tidak cukup nisab, seperti emas tidak sampai 85 gram atau perak tidak sampai 595 gram, maka tidaklah wajib dikeluarkan zakatnya.

Kadar Zakat Harta Rikaz

Kadar Zakat Harta Rikaz yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak $\frac{1}{5}$ atau 20%.

Contoh jika harta rikaz emas sebanyak 400 gram:
 $400 \text{ gram} \times 20\% = 20 \text{ gram emas (zakat)}$

Jika berat harta rikaz itu tidak cukup nisab, seperti emas tidak sampai 85 gram atau perak tidak sampai 595 gram, maka tidaklah wajib dikeluarkan zakatnya.

Waktu Mengeluarkan Zakat Harta Galian dan Rikaz

Zakat Harta Galian Dan Rikaz itu wajib dikeluarkan sertamerta sesudah ia dibersihkan dan dikira nisabnya kerana zakat harta galian dan rikaz itu tidak disyaratkan menunggu supaya cukup haulnya (satu tahun).

Sumber: Buku Zainut Talib Penggal Kedua

*Disediakan dan dikemaskinikan oleh:
Jabatan Majlis Ugama Islam
Negara Brunei Darussalam
November 2021*

TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT DAN PERTANYAAN

1. **Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat,**
Jabatan Majlis Ugama Islama,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Jalan Menteri Besar, Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam.
Talian : 2382525 /2382300 / 2382311 /2382312
E-mel : muib@mora.gov.bn
Laman Sesawang: www.religious-affairs.gov.bn
atau www.zakat-muib.gov.bn
2. Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Daerah Belait,
Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.
Talian: 3334347.
3. Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Daerah Tutong,
Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong.
Talian: 4221486
4. Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Daerah Temburong,
Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.
Talian: 5221596
5. Melalui amil-amil yang dilantik di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat.
6. Tabung Amanah Islam Brunei (**TAIB**) (pemotongan terus melalui akaun).
7. Bank Islam Brunei Darussalam (**BIBD**) (pemotongan terus melalui akaun).